



YESUS KRISTUS

Siri Asas Kepercayaan Kristian

Yesus Kristus

Siri Asas Kepercayaan Kristian

Siri ini mempunyai 18 tajuk yang membincangkan beberapa asas kepercayaan (doktrin) Kristian. Jaroslav Pelikan, seorang ahli sejarah gereja mendefinisikan doktrin Kristian seperti berikut: “Doktrin Kristian adalah apa yang dipercayai dan diajarkan oleh gereja.” Jadi, apa yang kita akan perhatikan adalah kepercayaan-kepercayaan asas tentang kebenaran di dalam ajaran Kristian.

Buku kecil ini disusun sedemikian rupa untuk kegunaan peribadi atau dalam kelompok kecil. Jangan hairan kalau ramai orang Kristian, terutama generasi muda, yang tidak memahami beberapa asas kepercayaan Kristian, sehingga iman mereka mudah diganggu-gugat dan dipesongkan oleh pihak-pihak tertentu.

Semoga buku-buku dalam siri ini akan membantu anda, anak anda serta jemaat gereja anda untuk bertumbuh dalam pemahaman tentang asas-asas kepercayaan Kristian.


Cetakan Pertama: Mei 2015

Dicetak di Malaysia

Petikan Alkitab diambil dari Alkitab Bahasa Malaysia (Berita Baik) dan Alkitab Terjemahan Baru Indonesia.

Hak Cipta © 2015 Wawasan Penabur Sdn Bhd

Yesus Kristus



Kata Yesus kepadanya: “Akulah jalan dan kebenaran dan hidup. Tidak ada seorangpun yang datang kepada Bapa, kalau tidak melalui Aku. Sekiranya kamu mengenal Aku, pasti kamu juga mengenal Bapa-Ku. Sekarang ini kamu mengenal Dia dan kamu telah melihat Dia.”

(Yohanes 14:6,7)

Yesus Kristus mendakwa Diri-Nya ialah Allah (Yohanes 10:22-38, 14:8-11). Dia mendakwa Dialah satu-satunya jalan untuk manusia kembali kepada Allah (Yohanes 14:6, 7).

Alkitab memberitahu kita bahawa Yesus Kristus, Peribadi Kedua dalam Tritunggal, ialah Tuhan dan seluruh alam semesta dicipta melalui-Nya (Ibrani 1:1-3). Namun demikian, Dia mengambil rupa seorang manusia dan hidup sepenuhnya sebagai seorang manusia sebelum Dia dengan rela memberikan Diri-Nya untuk mati demi menggantikan tempat kita yang berdosa (Filipi 2: 5-8). Doktrin ini sangat penting kerana jika ia benar, maka kekristianan adalah unik dan berwibawa. Jika tidak maka kekristianan tidak ada beza dengan agama-agama yang lain.

A. Yesus Adalah Allah Sepenuhnya

Kristus adalah Tuhan. Dia bukanlah seorang yang telah mencapai ketuhanan melalui cara kehidupan yang baik dan alim.

Alkitab dengan jelas mengatakan Yesus adalah Allah sepenuhnya. “*Seluruh keperibadian Allah juga terdapat dalam diri Kristus, pada waktu Dia hidup di bumi sebagai manusia.*” (Kolose 2:9). Mereka yang hidup bersama dengan Yesus Kristus memanggil-Nya “Lord” [ΚΥΡΙΟΣ = kurios], satu istilah yang telah digunakan lebih 6 ribu kali di dalam Perjanjian Lama untuk merujuk kepada Tuhan atau “the Lord”. Maka, apabila para malaikat mengumumkan kelahiran Yesus dengan berkata, “*Pada hari ini di kota Daud telah lahir Penyelamat kamu, Kristus, Tuhan*” (Lukas 2:11), mereka sebenarnya mengatakan Tuhan sendiri telah dilahirkan.

Apakah yang dikatakan mengenai Yesus Kristus dalam ayat-ayat Alkitab ini?

¹Sebelum dunia ini diciptakan, Firman sudah ada. Firman itu bersama-sama Allah, dan Firman itu sama dengan Allah.
²Sejak permulaan, Firman itu bersama-sama Allah. ³Allah menjadikan segala sesuatu melalui Dia. Tiada sesuatu pun di alam semesta ini yang dijadikan tanpa Dia. (Yoh 1:1-3)

Yohanes 1:1-3

¹⁵Kristus serupa dengan Allah, tetapi Kristus dapat dilihat, sedangkan Allah tidak. Kristus itu Anak sulung yang lebih utama daripada segala sesuatu yang diciptakan. ¹⁶Hal itu demikian kerana melalui Dialah Allah menciptakan segala sesuatu di syurga dan di atas bumi, segala sesuatu yang kelihatan dan yang tidak kelihatan, termasuk juga roh-roh yang berkuasa dan yang memerintah. Allah menciptakan alam semesta melalui Kristus dan untuk Kristus. ¹⁷Kristus sudah ada, sebelum segala sesuatu ada. Kerana Dia juga, segala sesuatu mempunyai tempat yang bersesuaian. (Kol 1:15-17)

Kolose 1:15-17

“Seluruh keperibadian Allah juga terdapat dalam diri Kristus, pada waktu Dia hidup di bumi sebagai manusia.” (Kol 2:9)

Kolose 2:9

Apakah yang dikatakan oleh Yesus tentang Diri-Nya dalam ayat-ayat Alkitab ini?

“Aku dan Bapa adalah satu.” (Yoh 10:30)

Yohanes 10:30

²Di sana beberapa orang membawa seorang lumpuh yang terbaring di atas tikar kepada Yesus. Ketika Yesus melihat betapa besarnya iman mereka, Dia berkata kepada orang lumpuh itu, "Teguhkanlah hatimu, anak-Ku! Dosamu sudah diampunkan."

³Beberapa orang guru Taurat di situ berkata dalam hati, "Orang ini mengkufuri Allah!" ⁴Yesus mengetahui apa yang difikirkan mereka, lalu Dia berkata, "Mengapa kamu memikirkan perkara sejahat itu?"

⁵Manakah yang lebih mudah: mengatakan, 'Dosamu sudah diampunkan' atau 'Bangunlah dan berjalan'? ⁶Aku akan membuktikan kepada kamu bahawa di atas bumi ini Anak Manusia berkuasa mengampunkan dosa." Lalu Yesus berkata kepada orang yang lumpuh itu, "Bangunlah, angkat tikarmu dan pulanglah!"

⁷Orang lumpuh itu pun bangun lalu pulang ke rumah. (Mat 9:2-7)

Matius 9:2-7

⁸Filipus berkata kepada Yesus, "Ya Tuhan, tunjukkanlah Bapa kepada kami, supaya kami puas." ⁹Tetapi Yesus menjawab, "Sudah lama Aku bersama-sama kamu semua, dan kamu belum mengenal Aku juga, Filipus? Orang yang sudah melihat Aku, sudah melihat Bapa. Mengapa kamu berkata, 'Tunjukkanlah Bapa kepada kami'? ¹⁰Filipus, tidakkah kamu percaya bahawa Aku bersatu dengan Bapa, dan Bapa bersatu dengan Aku? Apa yang Aku katakan kepada kamu semua, tidak datang daripada Aku sendiri. Bapa, yang tetap bersatu dengan Aku melakukan semua itu. (Yoh 14:8-10)

Yohanes 14:8-10

B. Yesus Adalah Manusia Sepenuhnya

Kristus bukan sekadar Allah dalam bentuk manusia tetapi Dia juga manusia sepenuhnya. Alkitab dengan jelasnya menyatakan bahawa Yesus mempunyai emosi dan pengalaman manusia seperti kita.

Apakah emosi dan pengalaman manusia yang ditunjukkan oleh Yesus dalam ayat-ayat ini?

“Di situ ada sebuah perigi yang dahulunya milik Yakub. Yesus yang penat kerana perjalanan-Nya, duduk di pinggir perigi itu.” (Yoh 4:6)

Yohanes 4:6

Yesus tahu bahawa sekarang semuanya sudah selesai, dan supaya apa yang tertulis di dalam Alkitab berlaku, Dia berkata, “Aku dahaga.” (Yoh 19:28)

Yohanes 19:28

“Keesokan paginya, dalam perjalanan kembali ke kota, Yesus lapar.” (Mat 21:18)

Matius 21:18

Yohanes 11:35

¹Yesus yang dikuasai oleh Roh Allah, kembali dari kawasan Sungai Yordan. Yesus dipimpin oleh Roh Allah ke padang gurun. ²Di situ Dia dicubai oleh Iblis selama empat puluh hari. Sepanjang masa itu, Yesus tidak makan apa-apa, sehingga Dia lapar. ³Iblis berkata kepada-Nya, “Jika Engkau Anak Allah, perintahkan batu ini menjadi roti.” ⁴Yesus menjawab, “Di dalam Alkitab tertulis, ‘Manusia tidak dapat hidup dengan roti sahaja.’” ⁵Lalu Iblis membawa Yesus ke tempat yang tinggi, dan dalam sekelip mata Iblis menunjukkan segala kerajaan di dunia kepada-Nya. ⁶“Aku akan memberikan segala kekuasaan dan kekayaan ini kepada-Mu,” kata Iblis kepada Yesus. “Semuanya ini telah diberikan kepadaku, dan aku berhak memberikannya kepada sesiapa sahaja yang aku suka. ⁷Semua ini akan menjadi milik-Mu, jika Engkau sujud menyembah aku.” ⁸Yesus menjawab, “Di dalam Alkitab tertulis, ‘Sembahlah Tuhan Allahmu dan abdikan diri kepada Dia sahaja!’” ⁹Lalu Iblis membawa Yesus ke Yerusalem dan menaruh Dia di puncak Rumah Tuhan dan berkata kepada-Nya, “Jika Engkau Anak Allah, terjunlah ke bawah, ¹⁰kerana di dalam Alkitab tertulis, ‘Allah akan memerintah para malaikat-Nya menjaga Engkau baik-baik.’” ¹¹Juga tertulis, ‘Malaikat akan menyambut Engkau dengan tangan, supaya kaki-Mu tidak terhantuk pada batu.’” ¹²Yesus menjawab, “Di dalam Alkitab tertulis, ‘Janganlah cubai Tuhan Allahmu.’” ¹³Apabila Iblis selesai mencubai Yesus dengan segala upaya, dia meninggalkan Yesus untuk sementara waktu. (Luk 4:1-13)

Lukas 4:1-13

Adalah penting untuk kita meyakini dua sifat Kristus (sebagai Allah dan manusia). Oleh kerana Kristus ialah Tuhan, Dia adalah sempurna. Dia boleh membayar untuk hukuman dosa di tempat kita sekali dan untuk kesemuanya (Ibrani 9:11-14, 10:19- 25). Tetapi Dia tidak mungkin mati di tempat kita melainkan Dia adalah manusia sepenuhnya (Ibrani 2:14,15). Pendek kata, Dia betul-betul telah mati!

Tambahan pula, oleh kerana Kristus adalah manusia sepenuhnya, Dia boleh mengenalpasti dengan sepenuhnya segala yang sedang kita lalui; dan oleh kerana Dia adalah Allah sepenuhnya, Dia boleh memberikan pertolongan dan kuasa yang kita perlukan untuk mengalami kehidupan baru dan juga menghadapi masalah dalam kehidupan (Ibrani 4:15, 16).

Yesus adalah Allah dan manusia sepenuhnya. Hal ini mungkin adalah mukjizat yang paling menakjubkan di dalam sejarah manusia – Anak Allah yang kekal, yang adalah Allah sepenuhnya, menjadi manusia sepenuhnya dan dengan demikian menghubungkan Diri-Nya dengan sifat manusia selama-lamanya. Kekekalan (keilahian) dan kefanaan (kemanusiaan) disatukan di dalam satu peribadi. Yesus telah mengubah haluan sejarah untuk selama-lamanya.



C. Kehidupan dan Kematian Kristus

1. Kelahiran-Nya (Inkarnasi)

Inkarnasi bermaksud Allah telah benar-benar menjadi manusia dalam peribadi Yesus. Ayat-ayat berikutnya memberitahu kita tentang kelahiran Yesus.

a) Ia telah dinubuatkan.

Nabi Yesaya telah bernubuat tentang kelahiran seorang anak lelaki yang akan mempunyai pelayanan yang sangat istimewa. Apakah yang dikatakan Yesaya tentang kelahiran yang istimewa ini dalam Yesaya 7:14?

Sebab itu Tuhan sendirilah yang akan memberikan kepadamu suatu pertanda: Sesungguhnya, seorang perempuan muda mengandung dan akan melahirkan seorang anak laki-laki, dan ia akan menamakan Dia Imanuel. (Yes 7:14)

*Imanuel
bermaksud
"Allah bersama
kita"*

Tempat kelahiran-Nya juga telah diramalkan kira-kira 700 Sebelum Masihi. Baca Mikha 5:1. Dari manakah Pemerintah yang istimewa ini akan datang?

TUHAN berfirman, “Hai Betlehem Efrata, engkau adalah salah satu kota yang terkecil di negeri Yehuda, tetapi daripadamu Aku akan memberi Israel seorang penguasa; asal usul nenek moyangnya bermula dari zaman purba.” (Mi 5:1)

b) Ia adalah suatu kelahiran dari anak dara.

Baca Lukas 1:34,35. Apakah yang anda pelajari tentang kelahiran Yesus dalam ayat-ayat ini?

³⁴Maria berkata kepada malaikat itu, “Aku masih dara. Bagaimanakah perkara ini boleh berlaku?” ³⁵Malaikat itu menjawab, “Roh Allah akan datang kepadamu, dan kuasa Allah akan menaungi engkau. Itulah sebabnya Anak yang akan lahir itu disebut Suci, Anak Allah. (Luk 1:34,35)

2. Kehidupan-Nya

a) Perkembangan dan pertumbuhan-Nya

Bagaimanakah Yesus berkembang sebagai orang muda? Lihat Lukas 2:52.

“Yesus bertambah besar dan bijaksana, dan Dia menyenangkan hati Allah mahupun manusia.” (Luk 2:52)

b) Pelayanan-Nya

Baca Matius 4:23 dan simpulkan pelayanan Yesus.

“Yesuspun berkeliling di seluruh Galilea; Ia mengajar dalam rumah-rumah ibadat dan memberitakan Injil Kerajaan Allah serta melenyapkan segala penyakit dan kelemahan di antara bangsa itu.” (Mat 4:23)

Keempat-empat injil Matius, Markus, Lukas dan Yohanes telah mencatatkan pekerjaan dan pengajaran Yesus.

c) Mukjizat-Nya

Matius 8 memberikan contoh-contoh mukjizat yang ditunjukkan Yesus. Semua mukjizat itu menunjukkan kekuasaan Yesus terhadap beberapa perkara. Tuliskan ayat-ayat mana yang menunjukkan Yesus berkuasa ke atas:

- Penyakit
- Roh-roh jahat
- Alam dan semua ciptaan

Ada satu lagi keajaiban yang telah dilakukan Yesus. Baca Yohanes 11:39-44. Apakah kuasa yang ditunjukkan oleh Yesus?

³⁹Lalu Yesus berkata, “Tepikan batu ini.” Tetapi Marta, saudara orang yang meninggal itu menjawab, “Tuhan, sudah empat hari dia dikuburkan. Tentu busuk baunya!” ⁴⁰Yesus berkata kepada Marta, “Tidakkah Aku berkata kepadamu: Jika kamu percaya, kamu boleh melihat betapa besarnya kuasa Allah?” ⁴¹Mereka mengetepikan batu itu, lalu Yesus menengadahkan ke langit dan berkata, “Aku bersyukur kepada-Mu, ya Bapa, kerana Engkau mendengar permintaan-Ku. ⁴²Aku tahu bahawa Engkau sentiasa mendengar permintaan-Ku. Aku berkata demikian untuk kebaikan semua orang di sini, supaya mereka percaya bahawa Engkaulah yang mengutus Aku.” ⁴³Setelah Yesus berkata demikian, Dia berseru dengan suara kuat, “Lazarus, keluar!” ⁴⁴Lazarus pun keluar. Tangan dan kakinya masih terbalut dengan kain kafan dan mukanya tertutup dengan kain penutup muka. Yesus berkata kepada orang ramai di situ, “Tanggalkan kain yang membalutnya dan biarlah dia pergi.” (Yoh 11:39-44)

d) Kesucian-Nya

Yesus membuat satu dakwaan dalam Yohanes 8:46 dengan mencabar musuhnya membuat sesuatu. Apakah itu?

“Siapakah antara kamu dapat membuktikan bahawa Aku berdosa? Jika Aku mengatakan apa yang benar, mengapa kamu tidak percaya kepada-Ku?” (Yoh 8:46)

3. Kematian-Nya

Adakah Yesus sedia maklum akan kematian-Nya ataupun ia adalah dari kuasa keadaan yang bukan dalam kawalan-Nya? Lihat Matius 16:21.

Sejak itu, Yesus mula berkata dengan terus-terang kepada pengikut-pengikut-Nya, "Aku harus pergi ke Yerusalem dan mengalami banyak penderitaan yang disebabkan oleh para pemimpin masyarakat, ketua imam, dan guru Taurat. Aku akan dibunuh, tetapi pada hari ketiga Aku akan dibangkitkan semula!" (Mat 16:21)

Baca 1 Petrus 3:18. Apakah tujuan kematian Yesus?

"Hal itu demikian kerana Kristus sendiri mati sekali sahaja dan untuk selama-lamanya, supaya dosa kita diampunkan. Dia tidak bersalah tetapi mati untuk orang yang bersalah, supaya Dia boleh memimpin kamu kepada Allah. Dia dibunuh dalam keadaan jasmani, tetapi dihidupkan semula dalam keadaan rohani." (1 Ptr 3:18)



D. Kebangkitan Kristus

Iman orang Kristian adalah berdasarkan dan berdasarkan kepada kebangkitan Kristus sebagai satu hakikat bersejarah.

1. Nubuat di dalam Perjanjian Lama

(Mazmur 16:9-11, Yesaya 53:10-12)

⁹Sebab itu hatiku bersukacita dan jiwaku bersorak-sorak, bahkan tubuhku akan diam dengan tenteram; ¹⁰sebab Engkau tidak menyerahkan aku ke dunia orang mati, dan tidak membiarkan Orang Kudus-Mu melihat kebinasaan. ¹¹Engkau memberitahukan kepadaku jalan kehidupan; di hadapan-Mu ada sukacita berlimpah-limpah, di tangan kanan-Mu ada nikmat senantiasa.
(Mzm 16:9-11)

¹⁰TUHAN berfirman, "Penderitaannya memang menurut kehendak-Ku; dia menyerahkan nyawanya sebagai korban bagi pengampunan dosa. Oleh itu dia akan panjang umur; dia akan melihat keturunannya, dan melalui dia maksud-Ku akan terlaksana. ¹¹Selepas penderitaan, dia akan bersukacita semula; dia akan tahu bahawa penderitaannya tidak sia-sia. Hamba-Ku yang setia dan yang Aku perkenankan akan menanggung hukuman banyak orang, dan kerana dia, Aku akan mengampuni mereka. ¹²Oleh itu Aku akan memberi dia kedudukan yang mulia, kedudukan di kalangan orang besar dan kenamaan. Dia rela mengorbankan nyawanya, dan dia dianggap sebagai orang jahat. Dia menanggung dosa banyak orang, dan berdoa agar mereka diampuni."
(Yes 53:10-12)

Orang Yahudi percaya bahawa Mesias (Penyelamat) yang akan datang ke bumi akan terus hidup selepas kematiannya.

2. Ajaran Kristus (Yohanes 2:18-22; 16:16-24)

Yesus mengatakan bahwa kebangkitan-Nya ialah bukti muktamad kepada pewahyuan Allah kepada manusia sejagat. Kebangkitan-Nya adalah bukti kepada dakwaan Yesus terhadap Diri-Nya sendiri.

¹⁸Para penguasa Yahudi bertanya kepada Yesus, “Mukjizat apakah yang dapat kamu lakukan untuk membuktikan bahawa kamu berhak bertindak seperti ini?” ¹⁹Yesus menjawab, “Runtuhkanlah Rumah Tuhan ini, lalu dalam tiga hari Aku akan membinanya lagi.” ²⁰“Engkau mahu membinanya lagi dalam tiga hari?” tanya mereka. “Empat puluh enam tahun sudah diperlukan untuk membina Rumah Tuhan ini!” ²¹Sebenarnya Rumah Tuhan yang dimaksudkan oleh Yesus itu tubuh-Nya sendiri. ²²Oleh itu ketika Yesus dibangkitkan daripada kematian, pengikut-pengikut-Nya teringat bahawa Dia pernah mengatakan demikian. Lalu percayalah mereka kepada apa yang tertulis di dalam Alkitab dan kepada apa yang dikatakan oleh Yesus. (Yoh 2:18-22)

3. Ajaran Para Rasul dan Gereja Awal

(contohnya Kisah Rasul-Rasul 2:22-36, 3:11-16, 4:19, 20; 1 Korintus 15:20-22)

Catatan Injil menyatakan kepada kita setelah peristiwa di Jumaat Agung yang pertama, pengikut-pengikut Yesus menjadi sekumpulan pengecut yang patah semangat, kecewa dan dipenuhi kekeliruan. Tetapi, dengan kebangkitan Kristus pada pagi Paskah, kumpulan orang yang sama ini sudah berubah, dengan satu wawasan dan keberanian yang baru. Kebanyakan daripada pengikut-pengikut-Nya telah dihukum mati atau dipenjarakan kerana memproklamasikan kebangkitan Kristus.

4. Saksi Kebangkitan Yesus (1 Korintus 15:3-8)


³ Apa yang aku sampaikan kepada kamu adalah apa yang sudah aku terima. Inilah perkara terpenting: Kristus mati kerana dosa kita, sesuai dengan yang tertulis di dalam Alkitab. ⁴Hal ini juga tertulis di dalam Alkitab: Dia dikuburkan dan pada hari ketiga Dia dihidupkan semula. ⁵Setelah itu Dia menampakkan diri kepada Petrus, dan kemudian kepada dua belas orang rasul. ⁶Sesudah itu Dia menampakkan diri kepada lebih daripada lima ratus orang pengikut-Nya sekaligus. Kebanyakan daripada mereka masih hidup, meskipun beberapa orang sudah meninggal. ⁷Sesudah itu Dia menampakkan diri juga kepada Yakobus dan kemudian kepada semua rasul. ⁸Terakhir sekali Dia juga menampakkan diri kepadaku, yang lahir bukan pada waktunya. (1 Kor 15:3-8)

a) Siapakah saksi-saksi kepada kebangkitan?

b) Bagaimanakah kita boleh memastikan bahawa mereka tidak tersilap?

5. Kepentingan Kebangkitan-Nya (1 Korintus 15:14-19)

Menurut 1 Korintus 15:14-19, mengapakah kebangkitan-Nya penting untuk iman kita?



E. Pengangkatan Kristus

Empat puluh hari setelah kebangkitan-Nya, Kristus diangkat ke syurga (Kisah Rasul-Rasul 1:1-11) Pengangkatan-Nya menunjukkan kita beberapa perkara yang sangat penting:

1. Dia Ditakhtakan (Filipi 2: 9-11)

⁹Itulah sebabnya Allah meninggikan Dia setinggi-tingginya, dan mengurniakan Dia kedudukan yang lebih tinggi daripada semua kedudukan yang lain. ¹⁰Oleh itu, untuk menghormati Yesus, semua makhluk di syurga, dan di bumi, dan di bawah bumi akan sujud menyembah Dia.¹¹ Mereka semua akan mengaku bahawa Yesus Kristus ialah Tuhan; dengan demikian Allah Bapa dimuliakan.
(Flp 2:9-11)

Allah Bapa telah meninggikan dan mengurniakan Anak Allah ke tempat-Nya yang asal. Selepas pengangkatan-Nya, Kristus telah diberikan kuasa mutlak ke atas semua ciptaan dan dunia baru yang akan datang. Tidakkah ini memberi penghiburan kepada kita dalam dunia yang bermasalah ini? Kristus mempunyai kuasa dan awalan berdaulat atas segalanya dan tidak ada yang berlaku tanpa kebenaran-Nya yang sempurna.

2. Dia adalah Pengantara (Ibrani 7:25)

“Oleh itu, baik sekarang ataupun selamanya, Dia dapat menyelamatkan orang yang datang kepada Allah melalui-Nya, kerana Dia hidup selama-lamanya untuk memohon kepada Allah bagi mereka.” (Ibr 7:25)

Kristus kini berada di sebelah kanan Allah untuk men-

jadi pengantara bagi pihak kita. Kita tidak lagi perlukan perantara lain untuk berdoa kepada Allah. Kita boleh datang kepada Kristus dan diberi jaminan bahawa Allah mendengar kita (Yohanes 14:12-14).

3. Memberi Roh Kudus (Yohanes 14:15-17, 25, 26; 16:7)

¹⁵"Jika kamu mengasihi Aku, kamu akan mentaati perintah-perintah-Ku.
¹⁶Aku akan memohon kepada Bapa dan Bapa akan memberi kamu Penolong lain, yang akan bersama-sama kamu selama-lamanya.
¹⁷Dia Roh Allah, yang menunjukkan apa yang benar tentang Allah. Dunia tidak dapat menerima Dia, kerana dunia tidak dapat melihat Dia ataupun mengenal Dia. Tetapi kamu mengenal Dia, kerana Dia tinggal dengan kamu dan bersatu dengan kamu. (Yoh 14:15-17)

Jika Kristus tidak diangkat, Dia tidak akan memberi Roh Kudus yang sangat penting di dalam kehidupan seorang Kristian. Kita akan membincangkan pekerjaan-pekerjaan Roh Kudus dalam buku yang seterusnya.

4. Persediaan untuk kepelangan kita (Yohanes 14:2,3)

²Di dalam rumah Bapa-Ku terdapat banyak tempat kediaman, dan Aku akan pergi menyediakan tempat untuk kamu. Aku tidak akan berkata demikian kepada kamu, sekiranya hal itu tidak begitu. ³Setelah Aku pergi menyediakan tempat untuk kamu, Aku akan kembali lalu membawa kamu ke tempat-Ku, supaya kamu tinggal di tempat Aku tinggal. (Yoh 14:2-3)

Kristus telah pergi terlebih dahulu untuk menyediakan tempat bagi kepelangan kita!

F. Kedatangan Kristus Kali Kedua

1. Ajaran-Nya (Lukas 21: 25-28)

Kedatangan Kali Kedua Tuhan kita adalah pusat ajaran-Nya kerana pada waktu itulah Dia akan membetulkan segala-galanya.

“Meskipun demikian, tidak seorang pun mengetahui hari atau waktunya, sama ada malaikat-malaikat di syurga ataupun Anak; hanya Bapa yang tahu.” (Mat 24:36)

a) Apakah yang dikatakan di dalam Matius 24:36 tentang waktu kedatangan-Nya?

“Lihatlah, Dia datang dengan awan! Semua orang akan melihat Dia, termasuk juga mereka yang sudah membunuh Dia. Semua bangsa di bumi akan meratap kerana Dia. Ya, tentu! Amin! “(Why 1:7)

“Kita percaya bahawa Yesus sudah mati dan hidup semula. Demikian juga kita percaya bahawa mereka yang percaya kepada Yesus dan sudah meninggalkan dunia akan dihidupkan semula oleh Allah supaya hidup bersama-sama Yesus.” (1 Tes 4:16)

b) Baca Wahyu 1:7 dan 1 Tesalonika 4:16. Bagaimanakah Yesus Kristus akan datang?

2. Tanda-tanda

- a) Baca Lukas 21:8-11. Senaraikan peristiwa-peristiwa yang akan berlaku sebagai petanda yang menunjukkan menjelang kedatangan Yesus Kristus yang Kali Kedua.
- b) Baca Lukas 21:12-19. Apakah yang akan terjadi kepada orang Kristian sebelum waktu ini?

Apakah yang harus orang Kristian lakukan?

“Berita Baik tentang bagaimana Allah memerintah akan dihabarkan ke seluruh dunia supaya semua orang mendengarnya. Setelah itu barulah tiba akhir zaman.” (Mat 24:14)

- c) Apakah yang dikatakan oleh Matius 24:14 berkenaan satu kejadian penting sebelum kedatangan Yesus?

3. Penghakiman (Wahyu 20: 11-15)

Kristus Yesus akan menghakimi orang yang hidup dan mati - tidak ada apa-apa yang tersembunyi daripada-Nya. Iblis dan kuasa kejahatan akan dimusnahkan pada Hari itu untuk selama-lamanya.

Bagi umat Kristian, akan ada penghakiman ke atas usaha dan pekerjaan mereka. Kita akan dihakimi berdasarkan apa yang telah kita perbuatkan dengan hidup kita, dan diberi ganjaran menurut kesetiaan atau ketidak-taatan kita (1 Korintus 3:12-15). Iman kita kepada Kristus yang telah teruji dan tulus akan menyelamatkan kita (1 Tesalonika 4:16,17) dan kita akan menjadi seperti Dia (1 Yohanes 3:1-3). Kita menjadi seperti Dia kecuali sifat ketuhanan-Nya. Kita akan membicarakan perkara ini dengan lebih lanjut di buku tentang Penghakiman Terakhir.



Maranatha!
Datanglah, Ya Tuhan Yesus!

Soalan Untuk Perbincangan

1. Ada percubaan di zaman moden ini yang mengatakan bahawa Yesus hanya seorang manusia biasa. Contohnya filem seperti “*Jesus Christ - Superstar*” dan “*The Da Vinci Code*”. Pada pendapat anda, bagaimanakah perkara ini akan mempengaruhi iman seorang Kristian?

2. Kenyataan di atas juga merupakan cubaan untuk menolak kemanusiaan Yesus dan menggambarkan-Nya sebagai ilahi sepenuhnya. Bagaimanakah kecenderungan seperti ini akan menjejaskan iman seorang Kristian?

3. Apakah jawapan anda sekiranya anda diberitahu sebagai seorang Kristian, anda harus menjadi seperti Yesus?

4. Yesus menyatakan pemergian-Nya dan kedatangan Roh Kudus adalah untuk kebaikan anda. Bagaimanakah anda dapat menjelaskan hal ini?

5. Kehidupan, kematian dan kebangkitan Yesus adalah inti kepada kepercayaan Kristian. Mengapakah kematian dan kebangkitan Yesus sangat penting dalam iman kepercayaan kita?

Untuk Penguatan Iman Kita:

1. Ketuhanan Yesus

Sebagai orang Kristian, kita tahu bahawa Yesus adalah Tuhan kerana Alkitab memberitahu kita tentang keilahian-Nya.

- Yohanes 1:1,14, “Pada mulanya adalah Firman; Firman itu bersama-sama dengan Allah dan Firman itu adalah Allah... Firman itu sudah menjadi manusia dan tinggal antara kita. Kita nampak kemuliaan-Nya... Melalui Dia, kasih Allah dan Allah sendiri ditunjukkan kepada kita.”
- Filipi 2:6-8, “Sebenarnya Dia ilahi, tetapi Dia tidak menganggap keadaan-Nya yang ilahi harus dipertahankan-Nya. Sebaliknya, Dia rela melepaskan segala-galanya, lalu menjadi seperti seorang hamba. Dia datang sebagai manusia, dan hidup seperti manusia. Dia merendahkan diri dan hidup dengan taat kepada Allah sehingga mati — iaitu mati di atas salib.”
- Yohanes 20:28,29, “Tomas berkata kepada Yesus, ‘Ya Tuhanku! Ya Allahku!’ Yesus berkata kepadanya, ‘Adakah kamu percaya kerana kamu sudah melihat Aku? Berbahagialah orang yang percaya meskipun tidak melihat Aku!’”
- Ibrani 1:8, “Tetapi tentang Anak itu, Allah berfirman, ‘Takhta-Mu, ya Allah, akan kekal selama-lamanya! Engkau memerintah umat-Mu dengan keadilan.’”

- Yohanes 20:30,31, “Banyak lagi mukjizat lain yang dilakukan oleh Yesus di hadapan pengikut-pengikut-Nya, tetapi tidak ditulis di dalam kitab ini. Tetapi semua ini ditulis supaya kamu percaya bahawa Yesus Anak Allah, Penyelamat yang diutus oleh Allah, dan kerana kamu percaya kepada-Nya, kamu beroleh hidup sejati.”

2. Kematian Yesus

Alkitab mengatakan “Kristus sendiri mati sekali sahaja dan untuk selama-lamanya, supaya dosa kita diampunkan. Dia tidak bersalah tetapi mati untuk orang yang bersalah, supaya Dia boleh memimpin kamu kepada Allah. Dia dibunuh dalam keadaan jasmani, tetapi dihidupkan semula dalam keadaan rohani.” (1 Petrus 3:18). “Dahulu kita bermusuhan dengan Allah, tetapi Allah menjadikan kita sahabat-sahabat-Nya melalui kematian Anak-Nya. Sekarang sebagai sahabat-sahabat Allah, kita pasti akan diselamatkan kerana Kristus hidup.” (Roma 5:10)

Menyangkal penyaliban Yesus bererti menyangkal sebab mengapa Yesus datang ke dunia!

3. Kebangkitan Yesus

Kebangkitan Yesus membuktikan kepada kita bahawa Dia adalah Tuhan (Yohanes 10:18), kematian-Nya adalah sebagai penebusan bagi dosa kita telah diterima oleh Allah (Roma 4:24-25). Sekiranya Dia telah mati dan kekal dalam maut/

kematian, maka sia-sialah pengorbanan-Nya dan kepercayaan kita (1 Korintus 15:16-19). Mereka yang mati akan kekal dalam kematian dan tidak akan dibangkitkan (1 Korintus 15:12-15). Mereka juga tidak akan mendapat kembali bersekutu dengan Allah (1 Korintus 15:20-23).

Tetapi hakikatnya adalah: Kristus telah dibangkitkan daripada kematian. Kebangkitan-Nya adalah bukti kemenangan-Nya ke atas maut (1 Korintus 15:24-34). Hakikat ini juga mengisyharkan kerana kebangkitan Kristus, semua orang yang telah percaya kepada-Nya akan memperoleh kemenangan ke atas dosa (1 Korintus 15:50-58). Mereka tidak lagi dalam belenggu dosa tetapi telah dimerdekakan (Roma 6:11). Dan mereka boleh hidup dalam kemenangan, bahkan lebih dari pemenang (Roma 8:37)!



NOTA
